

10

setempat

25-04-2017

Ikrar Sultan Muhammad V sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-15

"Bismillahirrahmanirrahim, Beta Sultan Muhammad V bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinnya Beta dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong. Dengan ini, Beta akan menjalankan seadil-adilnya pemerintahan bagi Malaysia mengikut undang-undang dan Perlembagaan negara serta memelihara dengan sempurna setiap masa, agama Islam dan berdiri teguh di atas pemerintahan yang adil dan aman dalam negara."

HARIAN METRO

JUNJUNG KASIH TUANKU

■ Sultan Muhammad V ditabalkan
Yang di-Pertuan Agong ke-15





SULTAN Muhammad V mengucap
Keris Kerajaan sebagai simbo
penerimaan kuasa Yang di-Pertu
Agon

Bacaan Surat Pengisytiharan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak

"Bismillahirrahmanirrahim, bahawa inilah dimasyhurkan kepada sekalian orang serta penduduk Malaysia iaitu Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja telah memilih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Muhammad V dan pada hari, waktu dan saat yang gilang-gemilang ini, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku ditabalkan naik takhta kerajaan menjadi turus negara bagi Malaysia dengan bergelar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Kelima Belas."

ARIAN METRO



Di kiri, Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah, Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin, Sultan Perak Sultan Azlan Shah, Raja Permaisuri Perak Tuanku Zara Salim, Tengku Mahkota Kelantan Tengku Dr Muhammad Faiz Petra berkenan menghadiri Istiadat Pertabalan Sultan Muhammad V sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-15.

ala Lumpur

Daulat Tuanku!". Sultan Muhammad V semalam ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-15, untuk memerintah Malaysia bagi tempoh lima tahun.

Istiadat Pertabalan di Istana Negara mengikut warisan Kesultanan Melayu itu adalah bagi memperingatkan kepada seluruh duabahaya Malaysia mempunyai dua negara yang baru berlandas-

tan Muhammad V menyempurnakan lafaz ikrar Yang di-Pertuan Agong Ke-15.

Ia disusuli dengan laungan 'Daulat Tuanku!' sebanyak tiga kali oleh Datuk Paduka Maharaja Lela Istana Negara Mejar Jeneral (B) Datuk Mamat Ariffin Abdullah dan disahuti hadirin di dalam Balairung Seri yang diadakan dengan penuh adat istiadat kebesaran Raja-Raja Melayu.

Sejurus laungan itu, lagu 'Negeraku' dimainkan oleh Pancaragam Tentera Udara Diraja Malaysia dan

ka Maharaja Lela memohon perkenan baginda untuk membawa masuk naskhah al-Quran dan baki alat kebesaran Istiadat Pertabalan ke Balairung Seri.

Naskhah al-Quran, yang menjadi lambang kemuliaan Islam sebagai agama rasmi negara, kemudiannya dipersembahkan kepada Seri Paduka oleh Datuk Paduka Maharaja Lela yang disambut baginda lalu mencium kitab suci itu dan meletakkannya di atas meja di sebelah kanan baginda.

04-2017

setempat

11



SULTAN Muhammad V berkenan memeriksa Pasukan Kawalan Kehormat daripada anggota Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja di Istana Negara, semalam.



kan sistem Raja Berperlembagaan. Sultan Muhammad V, 47, sebelum ini melafaz sumpah memegang jawatan itu pada 13 Disember lalu, bagi menggantikan Sultan Kedah Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah yang tamat tempoh pemerintahannya pada tarikh terbabit.

Malaysia adalah satu daripada 43 negara di dunia yang mengamalkan sistem pemerintahan beraja dan sistem penggiliran pemerintahan itu adalah satu-satu yang seumpamanya di dunia.

Istiadat Pertabalan itu disaksikan kira-kira 800 tetamu termasuk Raja-Raja Melayu dan Permaisuri masing-masing, wakil Raja-Raja Melayu, Yang Dipertua Negeri, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Tiupan serunai diiringi paluan gendang oleh Pasukan Gendang Besar D'Raja Kelantan yang memainkan lagu 'Raja Bertabal' berkumandang di dalam Balairung Seri, Istana Negara, sebaik sahaja Sul-

berserentak dengan itu tembakan meriam sebanyak 21 das.

Terdahulu, Istiadat Pertabalan itu dimulakan sebaik keberangkatan masuk Sultan Muhammad V ke Balairung Seri dengan diiringi tiupan serunai dan paluan gendang oleh Pasukan Gendang Besar D'Raja Kelantan yang mengalunkan lagu 'Raja Berangkat'.

Sultan Muhammad V yang berpakaian rasmi Yang di-Pertuan Agong iaitu 'Muskat' (seperti kot hitam labuh) bersulam emas serta berseluar panjang bersulam di kaki dan memakai Tengkolok Diraja yang soleknya (bentuk ikatan) dinamakan 'Dendam Tak Sudah'.

Seri Paduka kemudian bersemayam di Singgahsana di Balairung Seri itu untuk Istiadat Pertabalan.

Datuk Paduka Maharaja Lela kemudian menghadap Sultan Muhammad V bagi memohon perkenan untuk memulakan Istiadat Pertabalan itu yang kemudian membuat pengumuman bahawa istiadat itu dizahirkan selepas mendapat perkenan baginda.

Sejurus selepas itu, Datuk Padu-

Datuk Maharaja Lela kemudian menyampaikan Surat Pengisytiharan pertabalan kepada Perdana Menteri yang tampil ke hadapan Singgahsana, mengangkat sembah dan membacakan perisytiharan itu.

Ini diikuti dengan Datuk Paduka Maharaja Lela mempersembahkan Keris Kerajaan yang menjadi alat kebesaran utama negara kepada Yang di-Pertuan Agong.

Seri Paduka yang menerima keris itu lalu menghunus dan mengucupnya, simbolik kebesaran dan kekuasaan kepada Seri Paduka, sebelum baginda menyarungkan semula keris itu dan meletakkannya di atas meja di sebelah kiri baginda.


Istiadat diteruskan dengan bacaan lafaz ikrar oleh Seri Paduka sebagai Yang di-Pertuan Agong.

Sejurus itu lagu Negaraku dimainkan sekali lagi dan tembakan meriam sebanyak 21 das dilepaskan. Perdana Menteri kemudian sekali lagi menghadap Seri Paduka untuk mempersembahkan Ucapan Tahniah dan Taat Setia atas pertabalan baginda sebagai mewakili kerajaan dan rakyat. - BERNAMA



NAJIB menyampaikan Ucapan Tahniah dan Ikrar Taat Setia Kerajaan dan Rakyat Malaysia pada Istiadat Pertabalan Yang di-Pertuan Agong Ke-15.

Harian Metro
25/4/17
MIS 10, 11



ANGGOTA Tentera Darat dari Unit 41 Bateri Rejimen Artileri Diraja (Istiadat) melakukan tembakan meriam kehormat sebanyak 21 das.

Rakyat bersatu bawah naungan baginda

Kuala Lumpur: Sembah ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak kepada Yang di-Pertuan Agong menggambarkan manifestasi bahawa raja dan rakyat berpisah tiada, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Katanya, dengan keberadaan Yang di-Pertuan Agong di takhta selaku payung negara, rakyat harus bersatu di bawah naungan baginda.

"Tentunya apabila diterjemahkannya, Tuanku adalah payung negara dan keberadaan baginda dalam pemerintahan Raja Berperlembagaan menunjukkan bahawa rakyat harus mendokong dan bersatu di ba-

wah naungan Duli Yang Maha Mulia Tuanku," katanya.

Beliau mengulas ucapan tahniah dan taat setia yang disembahkan Najib bagi mewakili kerajaan dan rakyat sempena istiadat pertabalan Sultan Muhammad V sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-15 semalam.

Dalam pada itu, Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak berkata, istiadat pertabalan berjalan lancar dan merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terbabit menjayakannya. - BERNAMA